

40 kawasan terdedah kebakaran kesan El Nino

KOTA BHARU 1 Mac - Jabatan Bomba dan Penyelamat bersedia untuk menghadapi kebakaran hutan sepanjang musim kemarau yang dijangka bermula pada bulan ini hingga September berikutan fenomena El-Nino.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) jabatan tersebut, Datuk Soiman Jahid berkata, persediaan itu merangkumi kelengkapan logistik dan peralatan untuk berdepan situ-

asi itu sebaik sahaja kesan fenomena tersebut berlaku.

Beliau berkata, pihaknya juga sudah mengarahkan anggota untuk membuat pemantauan di kawasan yang sering terdedah dengan kebakaran di negara ini.

“Berdasarkan kepada data tahun lalu, terdapat antara 30 sehingga 40 kawasan yang telah dikenal pasti dan kita akan terus memantau lokasi tersebut.

“Langkah ini bagi memastikan, anggota kita dapat memberikan respon segera sekiranya berlaku kebakaran, bagaimanapun kita turut memberikan tumpuan kepada kawasan yang berpotensi terdedah dengan bahaya berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada anggota bomba negeri ini di sini hari ini.